

INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepe.com



KEMAHIRAN PENYOALAN DALAM PEDAGOGI HIKMAH

QUESTIONING SKILLS IN WISDOM PEDAGOGIES

Mursyidah Sakinah Nasrol^{1*}, Hafizhah Zulkifli²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: p129584@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 22.01.2024

Revised date: 20.02.2024

Accepted date: 10.03.2024

Published date: 18.03.2024

To cite this document:

Nasrol, M. S.. & Zulkifli, H. (2024).
Kemahiran Penyoalan Dalam
Pedagogi Hikmah. *International
Journal of Education, Psychology and
Counseling*, 9 (53), 444-455.

DOI: 10.35631/IJEPC.953034.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kemahiran menyoal merupakan aspek penting dalam pendekatan pedagogi yang berfokus pada pembelajaran pelajar dan pembangunan holistik. Dalam konteks ini, penggunaan kuadran soalan menjadi alat yang digunakan serta berkesan untuk merangsang pemikiran kritis, refleksi, dan pembelajaran berpusatkan pada pelajar. Oleh itu, kertas konsep ini bertujuan untuk meneroka pendekatan kemahiran penyoalan pelajar menggunakan kuadran soalan dalam pelaksanaan pedagogi hikmah. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan analisis dokumen sepenuhnya. Pengkaji akan membincangkan berkenaan konsep pedagogi hikmah, kemahiran menyoal, elemen-elemen yang terdapat dalam kuadran soalan yang akan digunakan, perbandingan cara penggunaan kuadran soalan di dalam teori yang digunakan dan perbincangan kajian. Tambahan pula, pendekatan yang diteroka adalah berasaskan teori yang berkaitan. Selain itu, turut dibincangkan penggunaan kuadran soalan sebagai model dalam pembinaan rancangan pengajaran harian. Penulisan kertas konsep ini akan memudahkan para pengkaji akan datang untuk mengkaji penggunaan kuadran soalan kerana belum ada kajian yang ditemui berkenaan kuadran soalan. Ia juga mengesyorkan guru untuk menerapkan penggunaan kuadran soalan dalam semua bidang pendidikan.

Kata Kunci:

Kemahiran Penyoalan, Pedagogi Hikmah, Kuadran Soalan, Pemikiran Kritis

Abstract:

Questioning skills are an important aspect of a pedagogical approach that focuses on student learning and holistic development. In this context, the use of question quadrants becomes a used and effective tool to stimulate critical thinking, reflection, and student-centered learning. Therefore, this concept

paper aims to explore the approach of student questioning skills using question quadrants in the implementation of *Hikmah* (wisdom) pedagogy. This study uses a literature review and full document analysis. The researchers will discuss the pedagogical concept of *Hikmah* (wisdom), questioning skills, the elements found in the questions quadrant to be used, the comparison of the methods of applying the quadrant of questions in the theory used and the discussion of the study. Furthermore, the approach explored is based on related theories. In addition, the use of the question quadrant as a model in the construction of daily teaching plans was also discussed. The writing of this concept paper will make it easier for future researchers to study the use of question quadrants as no studies have been found on the question quadrant. It also recommends teachers to apply the use of question quadrants in all areas of education.

Keywords:

Questioning Skills, Hikmah (Wisdom) Pedagogy, Question Quadrant, Critical Thinking

Pengenalan

Sebagai seorang pendidik, guru sentiasa melibatkan diri bersama pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Salah satu sesi terpenting yang dijalankan oleh seorang guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah sesi soal jawab. Bersoal jawab merupakan aktiviti yang memainkan peranan penting untuk menguji pengetahuan masa lalu pembelajaran pelajar. Tujuan ini adalah untuk merangsang pemikiran pelajar. Bersoal jawab perlu dipertimbangkan dengan teliti kerana ia berkaitan dengan perkara yang serius bagi pelajar dan sebagai seorang guru perlu untuk mempunyai kemahiran dalam menyoal.

Kemahiran menyoal adalah sangat penting dan kompleks bagi seorang guru. Ini kerana sekiranya kemahiran ini digunakan dengan berkesan maka tahap prestasi pelajar akan meningkat dan suasana pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih aktif (Shanmugavelu et. al 2020). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka pendekatan kemahiran penyoalan pelajar menggunakan kuadran soalan dalam pelaksanaan pedagogi hikmah.

Memandangkan guru-guru menghabiskan banyak masa untuk bertanya soalan boleh dikatakan bahawa penyoalan memberi kesan yang besar terhadap pemikiran pelajar (Clasen & Bonk 1990). Maka, tujuan kajian ini juga turut meneroka keberkesanan kemahiran penyoalan tersebut. Akan tetapi, terdapat hipotesis yang ditemukan menurut Savage (1998), bahawa sebanyak 80 hingga 90 peratus pelajar lupa apa yang telah mereka pelajari melalui soalan berbentuk fakta, manakala sebanyak 80 hingga 85 peratus pula pelajar ingat daripada apa yang mereka pelajari melalui soalan beraras tinggi. Tambahan pula, objektif kajian

Selain itu, menurut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) 2010, menyatakan bahawa guru perlu melaksanakan proses PdP yang berkualiti tinggi untuk memperkembangkan potensi dan pencapaian pelajar di tahap optimum secara berterusan. Aspek yang ditekankan dalam standard kualiti ini menunjukkan kepentingan penyoalan dalam PdP yang berkesan dalam meningkatkan pemahaman pelajar.

Secara tuntasnya, kemahiran penyediaan dalam kajian ini diterapkan dalam pelaksanaan pedagogi hikmah. Ini kerana pedagogi hikmah ini adalah bertujuan membantu pelajar menjadi individu yang lebih berfikir, meneliti, bertimbang rasa dan lebih munasabah serta dapat memahami al-Quran dan hadith secara tepat sebagai panduan hidup. Pedagogi hikmah ini juga memenuhi keperluan kurikulum yang saling melintasi batas kemahiran berfikir, kemahiran literasi, kecerdasan emosi dan nilai moral (Hafizhah t.t).

Tinjauan Literatur

Konsep Pedagogi Hikmah

Pedagogi hikmah merupakan program pendidikan yang memfokuskan kepada kemahiran berfikir. Ia mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2002 (Hashim et. al 2018). Hikmah bermaksud kebijaksanaan, ilmu berkaitan tempat, adab, pertimbangan yang baik, kebolehan memahami sesuatu yang berlaku, pengetahuan daripada pengalaman hidup, tindakan atau kepercayaan dan kebolehan untuk melihat keupayaan komunikasi dan kualiti dalaman yang kuat. Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 269 (Hafizhah & Nor Alniza 2021):

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: "Allah mengurniakan hikmah (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan barangsiapa yang dikurniakan kebijaksanaan, sesungguhnya dia dikurniakan kebaikan yang melimpah ruah. Dan hanya yang berakal sahaja yang akan dapat mengambil pengajaran dari ayat-ayat Allah SWT."

Pedagogi hikmah ini diadaptasi daripada program kemahiran berfikir yang dipelopori oleh Matthew Lipman, Philosophy for Children (P4C) yang merupakan Profesor terkenal dalam bidang falsafah. Beliau mula cuba menggunakan kaedah Socratic dalam sesi pengajiannya. Pelaksanaan kaedah ini akan mengumpulkan sekumpulan pelajar yang mempunyai pelbagai peringkat umur iaitu bermula kanak-kanak, remaja sehingga orang dewasa. Mereka akan duduk bersama dan membentuk U yang akan diselia oleh guru. Kemudian, mereka melakukan aktiviti perbincangan, sumbang-saran, mengeluarkan idea baharu, mencari penyelesaian masalah dan pelbagai lagi aktiviti sebagai percambahan ilmu berdasarkan teks yang dibaca oleh guru. Teks tersebut telah ditulis khas berdasarkan novel dan cerita rakyat yang mempunyai mesej khusus sebagai panduan hidup dan akan menyumbang kepada pencetus dan rangsangan kepada sesuatu isu dan idea dalam teks. Teks tersebut juga mengandungi unsur samar-samar dan mempunyai masalah yang perlu dirungkai (Hafizhah & Nor Alniza 2021).

Secara tuntasnya, menurut Hashim et. al (2018), pedagogi hikmah merupakan satu inkuiri falsafah yang berusaha mencari kebenaran dan hikmah. Selain itu, inkuiri falsafah ini berusaha untuk melahirkan generasi yang berfikiran kritis dengan menggunakan elemen inkuiri falsafah. Ia berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berjalan di mana ia menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh guru kepada pelajar atau sebaliknya. Pedagogi Hikmah adalah penting untuk dilaksanakan kerana ia mengikut pembelajaran abad ke-21, dan ia menawarkan pendekatan berpusatkan pelajar (Hafizhah et. al 2020).

Kemahiran Menyoal

Kemahiran menyoal amat penting dan sistematik dalam pelbagai bidang subjek. Salah satu komponen utama dalam mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah kaedah penyoalan atau teknik penyoalan yang digunakan oleh guru. Penyoalan guru ini merupakan salah satu daripada pelbagai interaksi yang berlaku di dalam bilik darjah.

Dalam menyoal, guru hendaklah bertanyakan soalan kepada semua pelajar di dalam bilik darjah. Soalan hendaklah diberikan kepada semua pelajar untuk menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jadi, soalan perlu diajukan kepada semua pelajar supaya mereka dapat fokus dan mengambil bahagian.

Tambahan pula, guru juga perlu sedar bahawa kualiti soalan semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu elemen utama dalam menentukan keberkesanan dan kualiti pengajaran. Bagi membantu pelajar merangsang tahap pemikiran yang tinggi, guru harus memainkan peranan utama dalam mengaplikasikan teknik dan kemahiran yang betul dalam menyoal pelajar. Oleh itu, guru perlu merancang dengan teliti dan mengambil kira beberapa faktor seperti perhatian, suara, jeda (berhenti seketika) dan juga kandungan soalan (Shanmugavelu et. al 2020).


Faktor utama yang paling berkesan dalam penyoalan adalah dengan menarik perhatian pelajar di dalam bilik darjah. Soalan perlu ditujukan kepada seluruh bilik darjah sebelum meminta seorang pelajar menjawab. Guru hendaklah mengemukakan soalan terlebih dahulu sebelum menyebut nama pelajar untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Ini bagi memastikan semua pelajar fokus kepada soalan yang diajukan. Jika nama pelajar disebut dahulu, maka hanya pelajar yang tertentu sahaja yang akan memberi perhatian di dalam kelas.

Selain daripada itu, suara guru juga salah satu alat komunikasi yang paling penting. Semasa melontarkan soalan, guru hendaklah memastikan suara jelas dan nada suara guru didengari dengan baik.

Selepas mengemukakan soalan, guru sepatutnya berhenti bercakap untuk seketika dan memerhatikan seluruh kelas. Guru perlu memerhatikan isyarat lisan yang menunjukkan bahawa pelajar bersedia untuk bertindak balas. Kemudian, pelajar perlu diberi masa untuk memikirkan jawapan kepada soalan tersebut. Masa yang diberikan tidak boleh terlalu lama.

Akhir sekali, faktor yang perlu diambil kira adalah berkenaan kandungan soalan seperti yang difokuskan dalam kajian ini. Dalam mengemukakan soalan, seorang guru harus merancang jenis soalan yang akan ditanya di dalam bilik darjah. Menurut Philip Cam (2006), jenis soalan boleh dibahagikan dengan menggunakan kuadran soalan. Kuadran soalan terbahagi kepada 4 kuadran iaitu kefahaman, spekulasi, penyelidikan dan inkuiri. Di dalam kuadran soalan dipecahkan lagi kepada dua bahagian iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka seperti di rajah 1.

Rajah 1: Kuadran Soalan



Elemen Kuadran Soalan

Kuadran soalan dicipta oleh Philip Cam semasa bekerja dengan pelajar dan guru untuk mengasah, menyusun dan mengkategorikan soalan pelajar untuk dialog falsafah. Ia adalah alat yang membantu guru dalam mengajar jenis soalan secara eksplisit dengan niat menggunakan soalan pelajar untuk membimbing pembelajaran, terutamanya inkuiri falsafah. Kesemua elemen-elemen yang diterangkan diperolehi daripada artikel Rosie Scholl (2010) yang bertajuk 'The question quadrant: a stimulus for a negotiated curriculum'.

Dalam kuadran soalan, paksi mendatar mewakili kontinum antara soalan tertutup dan terbuka. Soalan tertutup merujuk kepada soalan yang mempunyai jawapan yang tetap dan jawapan tersebut ada di dalam teks, walaupun memerlukan sedikit penyelidikan akan tetapi jawapan akan ada yang betul. Soalan tertutup juga boleh mempunyai lebih daripada satu jawapan yang betul. Soalan terbuka pula, jawapan yang betul tidak wujud kerana soalan ini mengundang spekulasi walaupun ada sesetengah jawapan lebih sesuai atau munasabah daripada yang lain. Paksi menegak pula mewakili kontinum antara soalan teks dan soalan tentang kehidupan. 4 kuadran ini membahagikan soalan kepada kefahaman membaca, spekulasi sastera, pengetahuan fakta dan inkuiri (rujuk rajah 1 diatas).

Kefahaman membaca merujuk kepada pelajar yang bertanya soalan pemahaman yang munasabah berkaitan dengan teks. Pertanyaan dalam bahagian ini memerlukan pelajar untuk mengenal pasti maklumat yang tersurat atau tersirat dalam teks, mengenal pasti butiran utama, mengenal pasti struktur teks, dan membuat kesimpulan berdasarkan maklumat yang diberikan. Contoh pertanyaan dalam kefahaman membaca termasuk "Apa yang dikatakan dalam perenggan kedua?" atau "Apa yang dapat disimpulkan daripada teks ini?".

Seterusnya, spekulasi sastera melibatkan pelajar berfikir tentang teks dengan cara membawa pelajar melampaui teks. Soalan-soalan ini mengajak menggalakkan pelajar membuat hipotesis, mengandaikan atau membuat spekulasi, membayangkan dan mencipta. Ini adalah galakkan langsung kepada penulisan secara kreatif atau campur tangan dalam teks. Contoh pertanyaan dalam spekulasi sastera termasuk "Apa yang mungkin berlaku selepas kisah ini berakhir?" atau "Apakah yang ingin disampaikan penulis melalui simbol ini?".

Dalam soalan penyelidikan, bahagian ini melibatkan pertanyaan yang memerlukan pelajar untuk menunjukkan pengetahuan fakta mereka tentang sesuatu topik atau subjek. Pertanyaan dalam bahagian ini dapat berkisar dari pertanyaan yang memerlukan fakta umum hingga pertanyaan yang memerlukan pengetahuan khusus dalam bidang tertentu yang memerlukan sedikit penyelidikan. Contoh pertanyaan dalam pengetahuan fakta termasuk "Siapa punya tanah ini?" atau "Mengapa kita memerlukan tanah?".

Dalam inkuiri pula, bahagian ini melibatkan pertanyaan-pertanyaan yang mendorong pelajar untuk melakukan penyelidikan, pemikiran kritis, dan eksplorasi yang lebih mendalam tentang topik tertentu. Pertanyaan bahagian ini memerlukan pemikiran dalam mensintesis maklumat, pemecahan masalah, dan penilaian. Pelajar perlu mengumpulkan maklumat tambahan, menganalisis data, dan membuat kesimpulan berdasarkan pemahaman yang lebih mendalam. Contoh pertanyaan dalam inkuiri termasuk "Bagaimana kegiatan manusia mempengaruhi alam sekitar?" atau "Apakah alternatif penyelesaian untuk masalah ini berdasarkan bukti yang ada?".

Akhir sekali, kefahaman tentang setiap bahagian kuadran soalan membantu guru dan pelajar untuk memahami jenis pertanyaan yang perlu diajukan dan jenis pengetahuan atau kemahiran berfikir yang diperlukan untuk menjawab pertanyaan tersebut. Setiap bahagian memberikan pendekatan yang unik dalam membangun pemahaman, mendorong pemikiran kritis, dan mengembangkan kemahiran penyelidikan dalam proses pembelajaran.

Perbandingan Kuadran Soalan & Taksonomi Bloom

Taksonomi merupakan satu teori yang biasa digunakan dalam menganalisis bidang pendidikan. Taksonom Bloom atau dikenali sebagai konsep kemampuan berfikir yang diperkenalkan oleh Dr Benjamin Bloom pada tahun 1956. Teori ini merangkumi tiga domain pembelajaran iaitu meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Domain kognitif merangkumi kemahiran mental untuk menghasilkan pengetahuan, domain afektif menambah perkembangan sikap, manakala domain psikomotor merangkumi kemahiran fizikal (Chandio et. al 2016). Oleh itu, guru-guru sepatutnya menjadikan teori ini sebagai rujukan untuk membina soalan yang lebih berkualiti dan mengambil kira tahap dan peringkat pemikiran serta mencabar daya pemikiran intelek pelajar. Teori penysoalan kefahaman Taksonomi Bloom (1956), telah disusun kepada enam tahap seperti yang terkandung dalam domain kognitif (Gopinat 2013).

Dalam konteks kuadran soalan, taksonomi Bloom boleh digunakan untuk memahami peringkat kerumitan soalan yang dikemukakan dalam setiap bahagian kuadran. Berikut adalah penjelasan setiap tingkat dalam taksonomi Bloom yang boleh dikaitkan dengan kuadran soalan dalam jadual 1:

Jadual 1: Taksonomi Bloom Versus Kuadran Soalan

Taksonomi Bloom	Kuadran Soalan
Pengetahuan	
Pada peringkat pengetahuan, soalan tertumpu kepada mengingat atau mengingat kembali fakta-fakta atau maklumat yang telah diberikan. Soalan ini membantu membina asas pengetahuan pelajar dan mengenal pasti aspek yang berkaitan dengan tajuk yang sedang dipelajari.	Dalam kuadran soalan, soalan pada tahap pengetahuan boleh dikaitkan dengan pengetahuan fakta dalam bahagian pengetahuan fakta

Kefahaman

Pada peringkat pemahaman, soalan menggalakkan pelajar untuk menafsir, menerangkan, atau membuat kesimpulan maklumat yang diberikan. Soalan ini membantu memastikan pelajar mempunyai pemahaman yang mendalam tentang teks atau bahan bacaan yang mereka hadapi.

Dalam kuadran soalan, soalan pada peringkat pemahaman boleh dikaitkan dengan kefahaman membaca dan spekulasi sastera.

Aplikasi

Pada peringkat aplikasi, soalan menggalakkan pelajar untuk menggunakan pengetahuan dan pemahaman mereka dalam situasi baharu atau konteks yang berbeza. Soalan ini menguji kemampuan pelajar untuk mengaitkan konsep dengan situasi praktikal atau nyata.

Dalam kuadran soalan, soalan pada tahap aplikasi dapat dikaitkan dengan penyelesaian masalah atau pemikiran kritis dalam bahagian inkuiri.

Analisis

Pada peringkat analisis, soalan mendorong pelajar untuk memecah konsep menjadi komponen yang lebih kecil, mengenal pasti hubungan, dan menganalisis struktur atau organisasi. Soalan ini memerlukan pemikiran analitikal dan kemampuan untuk menghuraikan maklumat yang kompleks.

Dalam kuadran soalan, soalan pada peringkat analisis dapat dikaitkan dengan pemahaman yang mendalam tentang teks atau menganalisis data dalam bahagian inkuiri.

Sintesis

Pada peringkat sintesis, soalan menggalakkan pelajar untuk menyepadukan maklumat dari pelbagai sumber, menjana idea baharu, atau membuat sesuatu yang asli. Soalan ini menguji kemampuan pelajar untuk berfikir kreatif, membuat perkaitan baharu, dan menghasilkan sesuatu yang lebih besar daripada bahagiannya.

Dalam kuadran soalan, soalan pada peringkat sintesis dapat dikaitkan dengan pemikiran kritis dan kreatif dalam bahagian inkuiri.

Penilaian

Pada peringkat penilaian, soalan tertumpu kepada kebolehan pelajar dalam menilai keberkesanan sesuatu konsep atau tindakan berdasarkan kriteria yang ditentukan. Soalan ini akan meminta pelajar membuat pertimbangan, memberikan hujah atau menilai penyelesaian yang sedia ada.

Dalam kuadran soalan, soalan pada peringkat penilaian dapat dikaitkan dengan menilai tindakan dalam bahagian inkuiri.

Dengan menggunakan kuadran soalan dalam taksonomi Bloom, guru dapat merancang penyoalan yang sesuai dengan tingkat pemikiran kognitif pelajar yang dikehendaki. Justeru, soalan kuadran boleh menjadi panduan berguna dalam merancang soalan yang merangkumi pelbagai aras kognitif untuk memperkayakan pembelajaran dan mengembangkan pemahaman dan kebolehan pelajar.

Perbincangan Kajian

Berdasarkan kajian literatur yang dibincangkan, masih tiada kajian yang khusus tentang kemahiran penyoalan dalam menggunakan kuadran soalan untuk mengasah pemikiran pelajar berfikir secara kritis. Buktinya menunjukkan bahawa semua kajian lepas lebih tertumpu kepada mengukur kebolehan pelajar berfikir secara kritis berdasarkan penyoalan yang beraras bermula dari rendah sehingga aras yang tinggi dalam sesuatu subjek menggunakan model taksonomi Bloom dan strategi penyoalan. Sementara itu, kejayaan pengajaran juga bergantung kepada keupayaan kognitif pelajar dalam membuat pelbagai aras soalan dan strategi penyoalan.


Oleh itu, guru perlu merancang pengajaran dengan teratur agar kemahiran menyoal menggunakan kuadran soalan dalam pedagogi hikmah dapat dijalankan dengan baik. Berikut merupakan contoh Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang boleh digunakan seperti di rajah 2.

Jadual 2: Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Mata Pelajaran :	Pendidikan Islam
Tahun/Tingkatan :	Tingkatan 1
Tajuk :	Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW

- Objektif :
1. Menyatakan riwayat hidup nabi Muhammad SAW
 2. Menjelaskan peristiwa penting dalam kehidupan nabi Muhammad SAW
 3. Menghuraikan iktibar daripada riwayat hidup nabi Muhammad SAW

Langkah/Masa	Isi Pelajaran	Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran		Catatan
		Aktiviti Guru	Aktiviti Pelajar	
Pendahuluan (2 minit)	Membaca doa sebelum belajar	Guru meminta pelajar membaca doa belajar dan selawat ke atas Rasulullah SAW	Pelajar membaca doa belajar dan berselawat ke atas nabi SAW	Pelajar mengangkat dan menadah tangan Guru dan pelajar membaca doa bersama-sama

Set Induksi (3 minit)	Papar gambar nama nabi Muhamad SAW dalam bahasa arab		Guru menunjukkan gambar nama nabi Muhamad SAW	Pelajar melihat dan meneka gambar apa yang dipaparkan	Pelajar menjawab soalan guru BBM: Gambar
			Guru meminta pelajar meneka gambar apa yang dipaparkan	Pelajar membuat perkaitan dengan tajuk yang akan dipelajari	
			Guru meminta pelajar mengaitkan gambar dengan tajuk yang akan dipelajari		
Perkembangan Langkah 1 (25 minit)	Membaca teks tentang biodata dan peristiwa- peristiwa penting dalam kehidupan nabi Muhammad SAW		Guru membacakan teks biodata nabi dan meringkaskan tentang peristiwa penting yang berlaku dalam kehidupan nabi Muhammad SAW	Pelajar mendengar penjelasan guru dengan teliti	Pelajar mengingat semula pelajaran berkenaan Nabi Muhammad SAW yang pernah dipelajari semasa sekolah rendah BBM: - Buku teks
Langkah 2 (25 minit)	Melakukan aktiviti dengan menggunakan kaedah <i>Socratic</i> Kaedah Socratic: 1. Pelajar duduk bersama dan membentuk U yang akan		Guru menerangkan berkenaan kuadran soalan kepada pelajar beserta contoh penyoalan. Guru meminta pelajar duduk membentuk U di tengah kelas dan	Pelajar mendengar penerangan guru Pelajar duduk dalam bentuk U yang besar dan dibahagi kepada 4 dan	Pelajar membuat soalan dengan fokus dan memahami arahan guru Contoh kuadran soalan dalam setiap bahagian: 1. Kefahaman pembacaan: “Mengapa Nabi Muhammad

	diselia oleh guru.	memecahkan kepada 4 bahagian kumpulan	kumpulan kecil	SAW dianggap sebagai contoh teladan bagi umat Islam?"
	Pelajar melakukan aktiviti perbincangan, sumbang-saran, mengeluarkan idea baharu, mencari penyelesaian masalah	Guru membahagi setiap bahagian kuadran soalan yang berlainan kepada setiap kumpulan dan meminta setiap kumpulan membuat soalan dan jawapan berdasarkan bahagian yang ditetapkan	Setiap kumpulan dibagi bahagian dalam kuadran soalan Pelajar membuat soalan dan jawapan berdasarkan kuadran soalan yang telah ditetapkan bagi setiap kumpulan	2. Spekulasi sastera: "Bagaimana nabi Muhammad SAW mengajarkan kesabaran, keadilan dan kebaikan kepada umat Islam?"
		Guru meminta wakil seorang daripada setiap kumpulan untuk kemukakan soalan yang dibuat beserta jawapan	Wakil pelajar dari setiap kumpulan berkongsi soalan dan jawapan yang telah dibuat berdasarkan bahagian kuadran soalan	3. Penyelidikan: "Bagaimana perkembangan sosial dan politik di Mekah dan Madinah mempengaruhi peranan nabi Muhammad SAW dalam menyebarkan Islam?"
	Sesi pengukuhan	Guru meminta pelajar membuat kesimpulan berdasarkan		4. Inkuiri: Bagaimana nilai-nilai dan ajaran nabi Muhammad SAW penting dalam konteks masyarakat moden?"
Penutup (5 minit)				Pelajar memahami isi pelajaran pada hari ini Pelajar mendapat tugas peta minda

apa yang telah
dipelajari

membuat
kesimpulan

Guru
menyimpulkan
secara
keseluruhan
pelajaran hari
ini dengan
mengaitkan
kepada
objektif
pembelajaran

Pelajar
mendengar
nasihat dan
teladan
daripada
guru

Guru memberi
sedikit nasihat
dan
kepentingan
mengambil
teladan dari
kehidupan
nabi
Muhammad
SAW dalam
kehidupan
sehari-hari

Guru memberi
tugas peta
minda kepada
pelajar sebagai
tugas
pengukuhan

Refleksi: Diakhir pelajaran, didapati pelajar boleh membuat soalan menggunakan kuadran soalan. Ini membolehkan pelajar memperoleh pemahaman yang mendalam tentang kehidupan nabi Muhammad SAW. Dalam aktiviti socratic, guru perlu memberi bimbingan dan sokongan kepada pelajar semasa menjalankan aktiviti inkuiri. Guru juga perlu memberikan maklum balas yang konstruktif terhadap jawapan pelajar agar pelajar mendapat motivasi untuk melakukan tugas yang berikutnya.

Kesimpulan

Kemahiran menyoal merupakan aspek penting dalam pedagogi hikmah yang membolehkan pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dan mengembangkan pemikiran kritis. Penggunaan kuadran soalan membantu dalam merancang pertanyaan yang sesuai dengan tahap perkembangan kognitif pelajar dan tujuan pembelajaran yang ditetapkan. Kuadran soalan membantu guru dalam menyampaikan maklumat dengan lebih terarah dan menyediakan peluang yang membolehkan pelajar untuk meneroka, menyelidik, dan membuat inferens

berdasarkan pemahaman yang mendalam. Tambahan pula, dalam proses pembelajaran kemahiran ini bukan sahaja membantu mereka dalam membuat soalan, tetapi juga membentuk sikap kritis, pemikiran reflektif dan berdikari dalam pembelajaran. Oleh karena itu, penerapan kemahiran menyoal menggunakan kuadran soalan dalam pedagogi hikmah diharapkan dapat memberikan manfaat yang signifikan dalam pembelajaran pelajar.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia penyelidikan iaitu Dr Hafizhah dalam tunjuk ajar dan penglibatan dalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Cam, P. (2006). *20 thinking tools: Collaborative inquiry for the classroom*. Camberwell, Vic.: ACER Press.
- Chandio, M.T., Pandhiani, S.M. & Iqbal, R. 2016. Bloom's taxonomy: Improving assessment and teaching-learning process. *Journal of Education Development*. 3(2): 203-221.
- Hafizhah Zulkifli & Nor Alniza Azman. 2021. Understanding the needs of the hikmah (wisdom) pedagogy module in the fields of Akhlak and Sirah of primary and secondary schools – Hikmah (wisdom) pedagogy. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. 15(9): 765-785.
- Hafizhah Zulkifli & Rosnani Hashim. 2019. The development of questioning skills through hikmah (wisdom) pedagogy. *Creative Education*, 10: 2593-2605.
- Hashim, R., Yusof, WM, Hussien, S., Khalid, M., & Kamalludeen, R. 2018. Aplikasi Pedagogi Hikmah bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 43(2): 37-47.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. 2010. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. Putrajaya.
- Liyana Maisarah Binti Ismail & Mohd Isa Bin Hamzah. 2021. Penyoalan lisan dalam pengajaran pendidikan Islam. *Firdaus Journal*, 1(1): 12-20.
- Mustika, N., Nurkamto, J. & Suparno, S. 2020. Influence of questioning techniques in EFL classes on developing students' critical thinking skills. *International Online Journal of Education and Teaching (IOJET)*, 7(1): 278-287.
- Muthy, G. 2013. Aras penyoalan dan pemikiran dalam proses pembelajaran bahasa Melayu murid sekolah rendah. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Noor Badriah Abu Bakar & Lilia Halim. 2023. Penyoalan lisan guru dalam pembelajaran sains berasaskan inkuiri. *Malaysian Journal of Social and Humanities*, 8(2): 1-17.
- Palincsar, A.S. & Brown, A.L. 1984. Reciprocal Teaching of Comprehension - Fostering and Comprehension - Monitoring Activities. *Cognition and Instruction*, 1(2): 117-175.
- Pandey, G. P. 2022. Teachers' experiences on the use of questioning strategy in Nepalese ELT classrooms. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 18(1): 791-803.
- Reflianto, Setyosari, P., Kuswandi, D. & Widiati, U. 2022. English teachers' competency in flipped learning: question level and questioning strategy in reading comprehension. *International Journal of Instruction*, 15(1): 965-984.
- Rehalat, A. 2016. Model pembelajaran pemrosesan maklumat. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial*. 23(2): 1-11.
- Scholl, R. 2010. The question quadrant: a stimulus for a negotiated curriculum. *Primary and Middle Years Educator*. 8(2): 3-16.
- Shanmugavelu, G., Ariffin, K., Vadivelu, M., Mahayudin, Z. & Sundaram, M.A.R.K. 2020. Questioning techniques and teachers' role in the classroom. *International Journal in Education*. 8(4): 45-49.